

01 JAN 1997

Duta-pulang

AHMAD MOKHTAR PULANG KE TANAH AIR SELEPAS DITAWAN DI LIMA

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Duta Malaysian ke Peru Ahmad Mokhtar Selat, yang dibebaskan dari tahanan selama 12 hari oleh segerombolan gerila Peru di Lima pada 29 Dis lalu selamat pulang ke tanah air hari ini dan berkata beliau akan kembali ke negara itu untuk menyambung tugasnya selepas berehat sekejap.

"Ya, saya akan kembali ke Lima," katanya kepada satu persidangan berita yang penuh sesak sejurus selepas ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini.

Kepulangannya beliau merupakan satu kegembiraan kepada Malaysia sempena dengan hari tahun baru ini.

Ahmad Mokhtar yang diringi oleh isterinya, Jelial Ghalim, anak perempuannya Melor Hidayah, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain tiba di sini kira-kira pukul 1 petang selepas perjalanan selama 30 jam dengan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH91 dari Los Angeles.

Kira-kira 100 orang yang terdiri dari saudara-saudara mara dan sahabat handai beliau serta pegawai-pegawai Wisma Putra berada di bilik VIP Terminal Satu lapangan terbang itu untuk menyambut ketibaan mereka.

Yang turut hadir ialah Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar, Ketua Setiausaha Datuk Abdul Halim Ali dan Duta Peru ke Malaysia, Jorge Bayona Medina.

Ahmad Mokhtar berkata penahanannya selama 12 hari itu telah merampas kebebasan "tetapi dengan izin Allah saya kembali menjadi seorang yang bebas".

"Saya menghargai kebebasan ini. Saya sungguh gembira dapat pulan ke tanah air selepas peristiwa buruk 12 hari itu," katanya.

Kepada rakan-rakannya di Wisma Putra Ahmad Mokhtar berkata: "Saya harap mereka tidak akan mengalami pengalaman pahit ini."

Ahmad Mokhtar dibebaskan pada pukul 5.30 petang waktu Peru Sabtu (6.30 pagi Waktu Malaysia hari Ahad) bersama dengan 19 tebusan lain termasuk Duta Republik Dominican Jose Diaz.

Beliau merupakan antara kira-kira 500 tetamu yang sedang menghadiri jamuan di kediaman duta Jepun sempena dengan sambutan ulang tahun ke-63 Maharaja Akihito yang dijadikan tebusan oleh sekumpulan anggota Pergerakan Revolusi Tupac Amaru,

Ahmad Mokhtar mengangap kejadian yang menimpanya itu sebagai "satu cabaran atau risiko yang harus dipikul oleh pegawai-pegawai Wisma Putra apabila bertugas di luar negeri".

"Sistem sosial dan politik berlainan (di negara lain)...Demi negara kita harus bertugas sepenuhnya," kata beliau.

Beliau juga berharap akan dapat bertemu sanak saudaranya yang sedang menunggu di kampung secepat mungkin.

"Hujan emas di negara orang hujan batu di negara sendiri .. lebih baik negara sendiri. Tapi di negara ini ada hujan emas," tambahnya.

Ahmad Mokhtar berkata beliau mungkin menghasilkan sebuah buku mengenai pengalaman pahitnya sebagai seorang tebusan.

Katanya, catatan dalam diari sepanjang penahanan itu boleh disusun dan diolah semula untuk menghasilkan sebuah buku.

Sebuah sependuk bertulis "Putera Malaysia penyelamat maruah" turut direntang oleh orang ramai semasa menyambut kepulangan Ahmad Mokhtar.

Isteri Ahmad Mokhtar, Jelial yang ditanya mengenai perasaannya selepas

peristiwa pahit itu berkata: "Separuh dari hati saya berada di sini (Malaysia), dan yang separuh lagi masih berada di Lima kerana ada lebih dari 80 tebusan lagi (yang masih belum dibebaskan). Saya tidak merasa bebas seratus peratus, kerana separuh dari hati saya masih berada di Lima."

Kata Jeliah, beliau mampu bertenang sementara menunggu suaminya dibebaskan dengan sokongan dan doa dari semua pihak, termasuk dari keluarga tebusan-tebusan lain.

"Saya menganggap ini sebagai satu cubaan Allah kepada iman saya." katanya.

Anak perempuan mereka, Melor berkata beliau gembira kerana dapat pulang ke tanahair dan kerana ayahnya dibebaskan.

"Tetapi saya juga berharap supaya semua tebusan yang lain itu akan dibebaskan secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, Abdulah memberitahu pemberita bahawa beliau bersama Ahmad Mokhtar dan Duta Malaysia ke Brazil, Datuk Zainal Abidin Zain telah menyampaikan surat ucapan terima kasih dan penghargaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Fujimori.

"Saya telah menyatakan bahawa Perdana Menteri dan rakyat Malaysia amat berterima kasih dan menghargai jasa beliau (Fujimori) kerana gerak usahanya telah berjaya membebaskan Ahmad Mokhtar," tambahnya

Menurutnya peristiwa yang berlaku itu banyak memberi pengajaran, umpamanya hubungan baik yang dijalin oleh Malaysia dan Peru telah membantu menyelesaikan masalah tertentu pada saat memerlukan.

Sebuah sepanduk bertulis "Putera Malaysia penyelamat maruah" turut direntang oleh saudara mara Ahmad Mokhtar ditujukan kepada Abdullah.

-- BERNAMA

ES AD RAZ WAT